

09 JAN 2004

Abdullah-Umno

NAJIB JALANKAN TUGAS TIMBALAN PRESIDEN UMNO - ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri Rabu lepas, akan menjalankan tugas Timbalan Presiden Umno berkuatkuasa serta merta.

Pemangku presiden parti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Majlis Tertinggi Umno yang bermesyuarat hari ini turut memutuskan melantik Najib sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Umno.

Majlis Tertinggi juga mencalonkan Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk mewakili parti itu dalam Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN), katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat itu di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata pelantikan Muhyiddin itu adalah bagi mengisi kuota Umno berikutan peletakan jawatan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno pada Oktober lepas.

Setiap parti komponen BN diperuntukkan tiga wakil ke Majlis Tertinggi barisan itu. Pada masa ini, Abdullah dan Najib merupakan wakil Umno sedia ada dalam majlis itu.

Abdullah menjelaskan soal Najib menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden Umno adalah perkara biasa.

"Saya dahulu semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri (dan Naib Presiden Umno) menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden Umno hinggalah pemilihan parti diadakan," katanya.

Majlis Tertinggi Umno juga meluluskan resolusi menyokong pelantikan Timbalan Perdana Menteri dan rombokan kabinet, katanya.

Abdullah turut memaklumkan Majlis Tertinggi Umno pada mesyuarat itu mengenai negara ini perlu memelihara hubungan baik dengan negara-negara jiran.

Ditanya apakah rancangannya untuk mengurangkan ketegangan hubungan antara Malaysia dan Singapura, Abdullah menjawab: "Berbincang."

-- BERNAMA

JM MUN HK RON